




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **33 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,107 kes**. Tiada kes kematian dilaporkan hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 79 menjadikan jumlah kumulatif 53,272 orang. Seramai 366 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 148 orang di hospital dan 218 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 21 orang dan lima (5) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Ranau bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Tiada kluster baharu direkodkan pada hari ini.
- 5 Daripada 33 kes positif COVID-19, sebanyak 19 kes (57.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, empat (4) kes (12.1%) saringan bergejala, enam (6) kes (18.2%) saringan kluster sedia ada, serta empat (4) kes (12.1%) dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil 4,362 unit
- Hospital 644 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,298 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 8.39%.

B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Setakat ini, seramai **1,638** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **39,359** orang.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **286,883** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 28 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 11,084 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 75 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan kompaun dibuat.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 109 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 436 lokasi melibatkan seramai 182 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 107 anggota RELA di 148 lokasi.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu Semporna dan Keningau.

6 Sejumlah 77 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	97%
2	Kinabatangan	97%
3	Beaufort	97%
4	Semporna	97%
5	Kota Kinabalu	96.5%
6	Beluran	96.5%
7	Kudat	96.5%
8	Sipitang	96.5%
9	Kota Belud	96.5%
10	Sandakan	96.5%
11	Penampang	96.5%
12	Lahad Datu	96%
13	Tenom	96%
14	Papar	96%
15	Kota Marudu	96%
16	Tuaran	96%
17	Ranau	96%
18	Tawau	95%
19	Keningau	94.5%

2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

19 Mac 2021